

PM: Jepun akan terus jadi rakan istimewa Malaysia

KUALA LUMPUR 1 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin Jepun akan terus menjadi rakan istimewa kepada Malaysia berdasarkan hubungan dua hala diwujudkan di antara kedua-dua negara sejak dahulu lagi.

Dr. Mahathir berkata, semangat rakyat Jepun yang bangun semula untuk mencipta nama selepas kejatuhannya dalam Perang Dunia Kedua amat dikagumi.

Tambah beliau, Malaysia menganggap Jepun sebagai model di dalam bidang industri dan pembuatan.

“Semangat ingin mencontohi kejayaan Jepun telah mendorong Malaysia untuk mewujudkan dasar pandang ke timur pada tahun 80-an,” kata beliau sambil menambah dasar berkenaan telah berjaya merubah Malaysia ke arah sebuah negara industri dan teknologi daripada negara berasaskan pertanian.

Dr. Mahathir berkata demikian semasa berucap pada majlis makan malam sempena ulang tahun ke-20 Dewan Perdagangan dan Industri Malaysia Jepun (Jactim) di Hotel Palace of the Golden Horses di sini malam ini.

Beliau juga memberi jaminan bahawa Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan terus bekerjasama dengan Jepun selepas mengambil alih jawatan Perdana Menteri Oktober ini.

“Kita berharap kerjasama rapat dengan Jepun akan diteruskan, dan saya pasti Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri seterusnya, akan meneruskan kerjasama dengan Jactim.

“Malaysia akan terus menjadi kawan baik dengan Jepun untuk mendapatkan manfaat dari industri dan perdagangannya,” katanya.

Sementara itu Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi dalam perutusan yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Luar Kanannya, Tetsuro Yano berharap hubungan dua hala dan kerjasama di antara Malaysia dan Jepun akan dapat ditingkatkan dan diperluaskan pada masa akan datang.

Koizumi menambah, Dr. Mahathir adalah seperti rakan baik kepada rakyat Jepun kerana beliau telah mengunjungi Jepun lebih daripada 50 kali sejak tahun 60-an lagi.

Beliau juga berharap Jactim akan memainkan peranan aktif di dalam meningkatkan kerjasama dan persefahaman di antara masyarakat usahawan kedua-dua negara.